

23/01/1997

Pengunjung bertuah Galeria Perdana diberi hadiah

LANGKAWI, Rabu - Galeria Perdana akan memberi hadiah kepada pengunjung bertuah ke-150,000 sempena Syawal tahun ini.

Pengurus Galeria Perdana, Mahani Muhammad berkata, pengunjung bertuah ke galeri pelbagai cenderamata yang diterima oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya itu akan diberikan hadiah menarik.

Menurutnya, sehingga kini, jumlah pengunjung Galeria Perdana sudah menghampiri angka 150,000.

"Kami mula membukanya (Blok A) kepada pengunjung pada April lalu dan jumlah mereka menggalakkan.

"Secara purata, galeri ini menerima kunjungan 20,000 pelawat dari dalam dan luar negara setiap bulan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, seperti kebanyakan pusat pelancongan lain, jumlah pengunjung memuncak pada musim cuti sekolah atau perayaan.

Mahani berkata, pada bulan Ramadan, keadaannya agak lengang dan dijangka meningkat selepas Aidilfitri.

(END)